



Trump's Tariffs – Ancaman atau Peluang untuk Perniagaan Malaysia?

SEKILAS PANDANG

- **Event:** Tarif Baru AS oleh Trump
- **Industri Berkaitan:** Perdagangan Antarabangsa, Eksport, Elektrik & Elektronik, Perkilangan
- **Potensi Impak:** Perniagaan Malaysia mungkin terkesan akibat ketegangan perdagangan global, terutama sektor eksport dan rantai bekalan yang bergantung pada pasaran AS & China.

OBJEKTIF

- Menjelaskan dasar tarif baharu Trump dan impaknya terhadap ekonomi global.
- Menganalisis bagaimana ia boleh mempengaruhi perniagaan dan eksport Malaysia.
- Memberi panduan kepada pemilik perniagaan tentang strategi mitigasi dan peluang baru.

RUMUSAN

Tarif baharu yang dicadangkan oleh Donald Trump boleh mencetuskan ketidakpastian dalam pasaran global, dan Malaysia tidak terkecuali. Walaupun bukan sasaran utama, Malaysia mungkin menerima kesan tidak langsung melalui rantai bekalan, eksport, dan aliran pelaburan asing.

Industri utama seperti elektrik & elektronik, perkilangan kontrak, dan agrikomoditi berisiko terjejas. Dalam masa sama, ia turut membuka ruang kepada syarikat Malaysia untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pembekal China.

Oleh itu, pemilik perniagaan perlu mengambil langkah bijak dengan memantau dasar global, mempelbagaikan pasaran, dan memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas untuk kekal kompetitif dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu.



Reciprocal Tariffs		
Country	Tariffs Charged to the U.S.A. Including Currency Manipulation and Trade Barriers	U.S.A. Discounted Reciprocal Tariffs
China	67%	34%
European Union	39%	20%
Vietnam	90%	46%
Taiwan	64%	32%
Japan	46%	24%
India	52%	26%
South Korea	50%	25%
Thailand	61%	31%
Switzerland	64%	32%
Indonesia	67%	34%



Trump umum tarif timbal balik, Malaysia kena 24 peratus

- Pada 2 April 2025, Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, mengumumkan pelaksanaan tarif baharu yang dikenali sebagai "**Liberation Day Tariffs**"
- Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan defisit perdagangan AS dengan mengenakan tarif antara 10% hingga 50% ke atas pelbagai barangan import.
- Malaysia, sebagai salah satu rakan dagang utama AS di ASEAN, turut terkesan dengan pengenalan **tarif sebanyak 24%** ke atas produknya yang dieksport ke AS, berkuat kuasa pada 9 April 2025

Apa itu Tarif?

- Bagi yang tidak tahu makna tarif, ia merupakan cukai yang dikenakan oleh kerajaan sesebuah negara ke atas barang dan perkhidmatan yang diimport dari negara lain.
- Tarif ini boleh digunakan untuk **meningkatkan pendapatan, mempengaruhi aliran perdagangan, atau melindungi industri domestik** negara tersebut.
- Berikut merupakan beberapa sebab sesebuah negara itu mengenakan tarif:
 - ✓ **Memelihara Perniagaan dan Pekerjaan Tempatan**
 - ✓ **Melindungi Kepentingan Pengguna Domestik**
 - ✓ **Melindungi Industri Baharu**
 - ✓ **Menyediakan Keselamatan Negara**

Tarif Timbal Balik AS – Pelaksanaan Dua Fasa



5 April 2025:

Tarif asas 10% ke atas semua import dari setiap negara




9 April 2025:

Tarif timbal balik yang lebih tinggi ke atas negara yang mempunyai defisit perdagangan besar dengan AS

- Tarif asas sebanyak 10% telah dikenakan ke atas semua barangan dan perkhidmatan import ke Amerika Syarikat bermula **5 April 2025 (Sabtu)** yang lepas.
- Sementara kadar yang lebih tinggi untuk negara yang dianggap sebagai "pelaku terburuk" akan berkuat kuasa pada **9 April 2025**.
- Menurut Trump, tarif ini dikenakan bagi menangani ketidakseimbangan perdagangan akibat perbezaan tarif yang tidak adil serta halangan bukan tarif yang dikenakan negara lain.
- Hampir ke semua rakan dagang termasuk rakan sekutu telah dikenakan tarif ini.


Kadar Tarif Asas Timbal Balik / Reciprocal Tariff US

- Untuk pengetahuan anda, tarif yang dikenakan ke atas negara kita, Malaysia adalah sebanyak **47%** dengan kadar diskaun sebanyak **24%**.
- Antara tarif timbal balik yang tinggi dikenakan terhadap China sebanyak 34 peratus, Kesatuan Eropah 20 peratus, Vietnam 46 peratus, Sri Lanka 44 peratus, Kemboja 49 peratus, Laos 48 peratus dan Myanmar 44 peratus.



"Tarif ini bukan timbal balik sepenuhnya. Saya boleh lakukan timbal balik penuh tetapi ia akan menyukarkan banyak negara. Kita tidak mahu itu terjadi," kata Trump ketika mengumumkan tarif berkenaan.

- Berdasarkan data yang dikumpul Reuters, Malaysia disenaraikan sebagai negara dengan defisit dagangan bernilai AS\$25 billion manakala China sebanyak AS\$295 bilion.



- **Defisit dagangan** bermakna Malaysia mengeksport lebih tinggi berbanding import barangan dari AS.
- Perdagangan dua hala antara Malaysia dan AS mencecah RM324.9 bilion pada tahun 2024.
- AS merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia, selain menyumbang **11.3 peratus** daripada jumlah perdagangan negara.

Nilai eksport Malaysia ke AS berisiko susut RM187.6b

- Peningkatan nilai tarif yang besar yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) ke atas Malaysia berpotensi menyumbang kepada penyusutan nilai eksport Malaysia ke negara itu sebanyak RM187.6 billion.
- Centre For Future Studies Berhad (The Future) berkata, sekiranya Malaysia mengambil langkah untuk tidak mengenakan timbal balik tarif, lebihan dagangan Malaysia-AS dijangka menjadi defisit kepada RM108.5 billion pada tahun ini.

Rajah 1 Implikasi tarif timbal balik ke atas ekonomi Malaysia


Kedudukan semasa dagangan Malaysia-AS pada 2024 (RM juta)

Export Malaysia ke AS	RM 198,647	13.2% daripada jumlah eksport
Import AS ke Malaysia	RM 126,260	9.2% daripada jumlah import
Lebih dagangan	RM 72,387	

Sumber: External Trade Statistics, Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

Potensi Impak pengenalan tarif timbal balik oleh AS kepada eksport dan lebih dagangan Malaysia-AS (USD billion)

Eksport Malaysia-AS



Lebih Dagangan Malaysia-AS



Sumber: UN Comtrade Database (2024) . Unjuran tahun 2025 dan impak dikira berdasarkan analisis model ekonomi

Unjuran Impak penyusutan eksport Malaysia ke AS

KDNK	- RM32.9 Bilion
Gaji dan upah	- RM10.7 Bilion
Cukai tak langsung	- RM0.59 Bilion
Guna tenaga	- 269 ribu orang



- Jelasnya, peningkatan tarif oleh AS itu akan menyebabkan kos barangan Malaysia menjadi lebih mahal, menjadikannya kurang berdaya saing berbanding pembekal domestik atau pembekal asing lain.
- Ia tambahnya, akan mengurangkan permintaan daripada pembeli AS, seterusnya mengurangkan eksport Malaysia ke AS.
- Selain itu, ujarnya, penyusutan dalam nilai eksport Malaysia ke AS dijangka akan mengurangkan penajaan keluaran dalam kasar negara (KDNK) sebanyak RM32.9 billion.
- Akibatnya, kadar penciptaan guna tenaga berkurangan sebanyak 269,000 orang dan penyusutan gaji dan upah dan hasil kutipan cukai tidak langsung masing-masing sebanyak RM10.7 billion dan RM0.6 billion.

Sektor yang Terjejas

- Sektor elektronik Malaysia, yang merupakan penyumbang utama kepada eksport negara, dijangka menghadapi impak yang signifikan
- Pada tahun 2024, eksport produk elektrik dan elektronik ke AS bernilai RM120.2 bilion.
- Walaupun terdapat pengecualian tarif untuk beberapa produk semikonduktor, kebimbangan timbul bahawa produk elektronik siap mungkin tidak mendapat pengecualian yang sama.
- Buat masa ini, Tengku Zafrul berkata, beberapa pengecualian melindungi sektor semikonduktor iaitu kategori eksport terbesar Malaysia ke AS.

• Senarai Barangan yang Dikecualikan



Farmaseutikal, semikonduktor, tembaga dan kayu



Sumber tenaga dan mineral tertentu tidak terdapat di AS



Bullion (logam berharga seperti emas dan perak)



Keluli, aluminium, kereta dan bahagian auto telah dilindungi oleh tarif Seksyen 232 sedia ada



Artikel tertakluk kepada 50 USC 1702(b) termasuk barangan kemanusiaan



Barangan yang mungkin tertakluk kepada tarif Seksyen 232 pada masa hadapan

Kesan Kepada Ekonomi Malaysia

- Tarif yang dikenakan oleh Trump ke atas Malaysia ini boleh menjadi cabaran atau peluang kepada negara kita. Untuk mengetahui cabaran dan peluang tersebut anda boleh lihat pada kesan baik dan buruk tarif ini yang dinyatakan di bawah:

✓ Kesan Baik Tarif Trump kepada Malaysia

1. Peluang Pelaburan dan Pemindahan Rantaian Bekalan

- Negara-negara yang terlibat dalam perang perdagangan AS-China seperti Malaysia berpotensi mendapat manfaat kerana pindahan kilang dan rantaian bekalan dari China, terutamanya dalam pengeluaran produk elektronik dan komponen yang biasanya dieksport ke AS.

2. Pertumbuhan Sektor Perkilangan

- Malaysia mendapat manfaat daripada pembangunan sektor perkilangan kerana tarif yang dikenakan terhadap produk China membuka peluang untuk lebih banyak pengeluaran domestik di Malaysia.

3. Pasaran Eksport Meluas

- Malaysia dapat mencari pasaran alternatif bagi produk-produk yang biasa dieksport ke AS, seperti komoditi, elektronik, dan produk pertanian. Ini memberi peluang untuk diversifikasi eksport ke pasaran-pasaran lain, terutamanya ASEAN dan Eropah.

✗ Kesan Buruk Tarif Trump kepada Malaysia

1. Kenaikan Kos Pengeluaran

- Kenaikan tarif import oleh AS menyebabkan kenaikan kos bahan mentah untuk negara-negara yang bergantung kepada bahan import, termasuk Malaysia.

2. Gangguan Rantaian Bekalan

- Tarif yang tinggi menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan global, mengakibatkan beberapa sektor di Malaysia terjejas kerana bahan mentah dan komponen yang diimport menjadi lebih mahal.

3. Ketidaktentuan Ekonomi dan Perdagangan

- Malaysia mengalami ketidaktentuan dalam pasaran eksport, terutamanya ke China dan AS. Walaupun terdapat peluang baharu, permintaan untuk produk eksport tertentu seperti kelapa sawit dan komponen elektronik menjadi lebih tidak menentu akibat kesan perang perdagangan.

4. Risiko tarif tambahan

- Malaysia, sebagai negara yang terlibat dalam perdagangan dengan China, menghadapi risiko peningkatan tarif oleh AS jika negara ini dianggap sebagai negara perantara atau "transshipment" untuk produk China, yang meningkatkan kos bagi eksport Malaysia.

Apa Yang Pemilik Perniagaan Perlu Lakukan?

- **Pantau dasar perdagangan global** – Kesan dari luar negara boleh sampai ke Malaysia lebih cepat daripada yang dijangka.
- **Diversifikasikan pasaran eksport** — Jangan terlalu bergantung pada satu pasaran utama.
- **Kaji semula struktur kos & rantaian bekalan** — Lihat potensi impak terhadap margin dan operasi.
- **Gunakan insentif perdagangan bebas (FTA)** — Malaysia mempunyai banyak perjanjian perdagangan yang boleh membantu mengurangkan kos tarif.
- **Sedia dengan strategi 'hedging' kewangan** — Kurangkan risiko tukaran asing dan harga bahan mentah.

